

# Pembabitan IMF tidak menguntungkan negara Asia

BH 20 APR 2001

GENTING HIGHLANDS, Khamis - Negara-negara Asia tidak akan mendapat faedah jika Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mengawal selia program pertukaran mata wang yang dicadangkan bagi ekonomi serantau, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata jika majoriti negara Asia berke- ras mahu membabitkan dana yang berpangkalan di Washington itu, maka ia sudah tiada pilihan.

"Tetapi yang kita kata, ini adalah tidak baik bagi mata wang Asia kalau ia dikawal selia IMF, sedang- kan kita tahu IMF tidak pun

mendatangkan kebaikan (kepada kita) dengan cara dan pendekatannya.

"Ini pendirian kita. Jika orang lain (negara Asia lain) mahu atau tidak mahu menerimanya, itu perkara lain. Bagaimanapun, jika majoriti mahukan pembabitan IMF, maka kita tiada pilihan," katanya selepas merasmikan Konvensyen Perdana Pendidikan Nasio- nal 2001 di Institut Aminudin Baki, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar yang memetik pegawai Jepun se- bagai berkata bahawa ada sesetengah negara yang mahukan program pertu- karan mata wang Asia di- cadangkan dikawal selia

oleh IMF.

Gagasan pertukaran mata wang itu dicetuskan bagi menyediakan jaring keselamatan dalam meng- hadapi krisis kewangan akan datang, setelah eko- nomi serantau terjejas te- ruk akibat kemelesetan 1997/98.

Rancangan pertukaran mata wang berjumlah AS\$2.5 bilion (RM9.5 bilion) yang dirintis oleh Jepun itu, yang juga dikenali se- bagai Inisiatif Chiangmai kerana mengambil sempe- na nama bandar raya Thai- land di mana ilham itu tercetus, bertujuan me- rangkaikan rizab antara- bangsa kesemua 10 nega- ra anggota Asean melalui

pakatan dua hala dengan kuasa serantau - China, Jepun dan Korea Selatan.

Mengikut persetujuan pertukaran mata wang itu, semua 13 negara akan membantu antara satu sama lain dalam menyedia- kan pembiayaan semen- tara bagi negara anggota yang menghadapi masalah imbalan pembayaran, dan memberikan tindak balas segera terhadap ke- jatuhan satu-satu mata wang.

Menteri Kewangan Ase- an pada mesyuarat kelima- nya di sini 7 April lalu bersetuju bahawa pakatan dua hala iaitu sebahagian daripada program pertu- karan mata wang adalah

pelengkap kepada kemu- dahan IMF.

Mengenai Tabung Kewa- ngan Asia (AMF) yang di- cadangkan, Dr Mahathir berkata bahawa Malaysia bersetuju dengan penubu- han AMF tetapi berpenda- pat ia tidak perlu dirujuk kepada IMF.

"Kita bersetuju dengan AMF tetapi apa perlunya merujuk kepada IMF. Ba- gaimanapun, jika semua orang berpendapat penting dirujuk kepada IMF, oleh kerana kita ini satu suara tidak dapatlah kita hendak mengatasi, tetapi itulah pendirian kita.

"Kita tidak akan menye- rah dengan begitu mudah," katanya.